

**FATWA: KEDUDUKANNYA DI MAHKAMAH SIVIL****FATWA: ITS POSITION IN THE CIVIL COURT**Arif Fahmi Md Yusof<sup>i</sup> & Izawati Wook<sup>ii</sup><sup>i</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Artikel ini membincangkan tentang kedudukan fatwa sebagai sumber rujukan perundangan di mahkamah sivil. Khususnya ia memfokuskan kepada aplikasi fatwa di mahkamah sivil, penggunaan dan kedudukannya. Ia mengenalpasti keadaan yang mahkamah sivil boleh membuat rujukan fatwa sedangkan ia tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes yang berada di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Analisa ini menggunakan kaedah kepustakaan yang merangkumi pengenapstian dan analisa kes-kes perundangan yang diputuskan oleh mahkamah sivil berkaitan fatwa. Hasil penelitian kes-kes di mahkamah menunjukkan mahkamah sivil menerima pakai fatwa sebagai salah satu keputusan yang perlu dihormati oleh pihak-pihak yang bertikai.</p> <p>Kata kunci: <i>Fatwa, mahkamah sivil, kes undang-undang, sumber perundangan</i></p>	<p><i>This article discusses the position of fatwa as a reference in civil courts. Specifically it focuses on the status of fatwa in the courts and its application. It identifies the situations which the civil courts make reference to the fatwa whereas it does not have jurisdiction to hear issues which are within the syariah courts' jurisdictions. The analysis adopts a library based study. It comprises the process of identifying the relevant cases and the analysis of the cases decided by the civil courts involving fatwa. With reference to the reported cases, this article finds that the civil courts acknowledge fatwa as decisions which have to be respected by disputed parties.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Fatwa, civil court, law cases, sources of law</i></p>

**PENDAHULUAN**

Fatwa mempunyai kedudukan yang penting dalam perundangan Islam. Ia juga turut diiktiraf oleh perundangan di Malaysia bukan sahaja di mahkamah syariah, tetapi juga di mahkamah sivil. Artikel ini membincangkan tentang kedudukan fatwa sebagai sumber rujukan perundangan di mahkamah sivil. Ia menggunakan kaedah kepustakaan yang merangkumi carian dan analisa kes-kes perundangan yang diputuskan oleh mahkamah sivil berkaitan fatwa. Kaedah kepustakaan ini merupakan kaedah yang penting dalam bidang undang-undang bagi meneliti

sesuatu isu perundangan. Bahagian awal penulisan membincangkan kedudukan fatwa dalam perundangan Islam dan diikuti dengan perbincangan tentang pentadbiran fatwa di Malaysia. Di bahagian akhir, penulis melihat kepada aplikasi fatwa di mahkamah sivil dengan menganalisa kes-kes berkaitan. Perbincangan ini menjadi sumbangan penting kepada kedudukan dan perkembangan fatwa di Malaysia sebagai satu sumber perundangan yang penting bukan sahaja di mahkamah syariah tetapi juga di mahkamah sivil.

## FATWA DALAM PERUNDANGAN ISLAM

### Pengenalan tentang fatwa

Fatwa berasal daripada perkataan Arab iaitu fata-yaftu-fatwan, futya atau ifta', yang membawa maksud menjawab perkara-perkara yang menjadi kemosykilan seperti seseorang meminta dengan berkata: "Aku meminta fatwa daripadanya, maka dia pun memberi fatwa" (Ibrahim Najib 1975: 10).

Othman Hj Ishak, merujuk kepada perbincangan Jamaluddin al-Qasimi, menerangkan maksud fatwa sebagai menjawab masalah yang menjadi kemosykilan dalam sesuatu hukum, dan ia termasuk jawapan kepada sesuatu masalah hukum yang dikemukakan (Othman Haji Ishak 1981: 10).

Rujukan oleh Mahmud Saedon kepada karya Taha Abdullah al-Dasuqi pula mentakrifkan fatwa sebagai menerangkan sesuatu hukum yang dikeluar atau diistinbat oleh seorang mujtahid mutlaq atau oleh mujtahid dalam mazhab (Mahmud Saedon A. Othman 1996: 143).

Fatwa juga ialah satu proses unik dalam perundangan Islam yang melibatkan dua pihak yang mengemukakan masalah dan persoalan (mustafti) dan pihak yang memberikan jawapan dan respon (mufti) (Mohd Daud Bakar 1997:1). Kesimpulannya, fatwa adalah pemberitahuan tentang sesuatu Hukum Syarak berdasarkan istinbat yang dilakukan oleh seorang yang berpengetahuan dan berkelayakan untuk memberi jawapan kepada sesuatu kemosykilan agama. Ia juga penjelasan mengenai Hukum Syarak oleh Mufti bagi sesuatu masalah agama berdasarkan dalil syarak sebagai jawapan kepada sesiapa yang bertanya, baik secara sendirian atau berkumpulan.

**Fatwa sebagai proses penjelasan sesuatu keputusan dalam perundangan Islam**  
Di dalam al-Quran banyak ayat yang menjelaskan tentang pertanyaan atau persoalan yang diberikan oleh penduduk Mekah dan Madinah kepada Rasulullah s.a.w, dan Allah s.w.t. menurunkan wahyu untuk memberikan jawapan kepada permasalahan atau persoalan tersebut.

Di dalam firman Allah:

*Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad) tentang (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu. "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu tentang mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam Kitab (al-Quran) ini tentang perempuan yatim yang kamu tidak memberi*

*kepadanya apa yang telah ditetapkan menjadi hak mereka, dan apa yang kamu suka berkahwin dengan mereka; dan juga dengan anak-anak yang lemah (yang masih kecil lagi). Dan kamu juga diwajibkan supaya menguruskan (hak dan keperluan) anak-anak yatim dengan adil. Dan ingatlah apa juga kebaikan yang kamu lakukan kepada mereka maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya” (Al-Nisa’:127).*

Ayat ini menjelaskan bahawa kaum Muslimin telah bertanya atau meminta fatwa tentang wanita kepada Rasulullah s.a.w., lalu ayat ini pun diturunkan kepada baginda sebagai jawapan kepada pertanyaan tersebut.

Selain daripada ayat ini sebagai satu contoh kepada definisi fatwa sebagai menjawab soalan yang dikemukakan di zaman Rasulullah s.a.w., banyak lagi ayat-ayat yang lain seperti persoalan tentang kedudukan dan kepentingan anak bulan dalam Islam (Al-Baqarah: 189), persoalan tentang nafkah (Al-Baqarah: 215), persoalan tentang berperang pada bulan yang diharamkan (Al-Baqarah: 217), persoalan tentang hukum arak dan judi (Al-Baqarah: 219), persoalan tentang anak yatim (Al-Baqarah: 220), persoalan tentang hukum perempuan yang datang haid (Al-Baqarah: 222), persoalan tentang makanan yang dihalalkan kepada orang yang beriman (Al-Maidah: 4) dan persoalan tentang harta rampasan perang (Al-Anfal: 1).

Ayat-ayat yang disebutkan ini adalah untuk memberikan fatwa kepada persoalan yang sedang dihadapi pada ketika itu. Justeru, fatwa bermaksud memberikan jawapan berdasarkan Hukum Syarak kepada kemosykilan yang timbul.

Dalam skop perundangan Malaysia, fatwa ialah keputusan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti dan telah diwartakan oleh kerajaan negeri bagi proses penguatkuasaan undang- undang (<http://www.e-fatwa.gov.my>).

## FATWA DI MALAYSIA: KEDUDUKAN DAN PENTADBIRANNYA

### Institusi Pentadbiran Fatwa

Terdapat dua institusi yang mentadbir fatwa di Malaysia iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (JFMK) di peringkat kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) di peringkat negeri.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa ini hanya bertindak sebagai penyelaras bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang menyentuh kepentingan umum. Fatwa-fatwa yang diputuskan oleh JFMK akan dibincangkan kembali oleh JFN yang akan memutuskan samada fatwa tersebut boleh diterima pakai dan seterusnya diwartakan melalui proses undang-undang di Dewan Undangan Negeri.

JFN pula ditubuhkan mengikut akta atau enakmen pentadbiran agama Islam bagi setiap negeri. Jawatankuasa ini akan memutuskan fatwa yang terpakai untuk semua orang Islam dalam negeri terbabit. Walau bagaimanapun, hanya fatwa yang diwartakan oleh Dewan Undangan Negeri yang terpakai dan mengikat orang Islam di negeri terbabit.

### Kedudukan Fatwa di Malaysia

Kuasa untuk membuat dan melaksanakan fatwa adalah salah satu daripada bidangkuasa negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Suatu fatwa yang telah diwartakan oleh sesebuah negeri adalah mengikat semua orang Islam yang tertakluk kepada bidangkuasa negeri tersebut sebagai ajaran agamanya dan menjadi kewajipannya untuk mematuhi dan berpegang kepada fatwa tersebut (Seksyen 50 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003). Peruntukan yang sama juga boleh dilihat di negeri-negeri yang lain. Akta dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia juga memperuntukkan sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh mahkamah syariah (Seksyen 50 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003).

Walau bagaimanapun, keadaan agak berbeza mengenai status dan aplikasi fatwa di mahkamah-mahkamah sivil. Tiada peruntukan di dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang memperuntukkan bahawa mahkamah sivil hendaklah mengiktiraf fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa atau Mufti. Walau bagaimanapun Mahkamah Sivil boleh meminta pendapat dari Jawatankuasa Fatwa negeri. Seksyen 53(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, contohnya, menyatakan:

*Jika dalam mana-mana mahkamah, selain mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak yang perlu diputuskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakarkan pendapat Jawatankuasa Fatwa itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan itu.*

Seterusnya, klausa (2) dalam peruntukan yang sama menyatakan Mufti tidak boleh disaman untuk hadir untuk memberi keterangan kepada mana-mana mahkamah termasuklah mahkamah sivil di Malaysia tentang apa-apa persoalan yang diputuskan tentang fatwa. Bagaimanapun mahkamah boleh meminta Mufti memberikan pendapat dan Mufti boleh mengesahkan pendapatnya itu kepada mahkamah yang membuat permintaan tersebut.

Perbincangan seterusnya memfokuskan kepada aplikasi fatwa di mahkamah sivil, penggunaan dan kedudukannya. Ia juga mengenalpasti keadaan yang Mahkamah Sivil boleh membuat rujukan fatwa sedangkan ia tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

## APLIKASI FATWA DI MAHKAMAH SIVIL

Secara amnya, perkataan ‘mahkamah sivil’ digunakan apabila sistem mahkamah ini dibezakan dengan institusi mahkamah yang lain yang wujud di Malaysia. Institusi yang lain ini termasuklah Mahkamah Syariah, Mahkamah Khas dan Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Sarawak.

Mahkamah sivil merupakan institusi mahkamah yang ditubuhkan di bawah undang-undang sebagai satu organ penting negara. Pada masa ini, ia terdiri daripada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi yang menduduki hirarki tertinggi dalam sistem mahkamah di Malaysia. Manakala Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret merupakan mahkamah rendah. Setiap mahkamah ini mempunyai bidangkuasa yang ditetapkan oleh undang-undang.

Dari sudut kesan perundangan, keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah yang berada pada aras tinggi (superior courts) akan mengikat mahkamah yang lain. Sebaliknya, keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah rendah, iaitu Sesyen dan Majistret, tidak mengikat keputusan mahkamah yang lain. Ini adalah berasaskan kepada prinsip stare decisis yang diamalkan di Mahkamah Sivil. Prinsip-prinsip perundangan yang terhasil daripada keputusan-keputusan ini mahkamah ini membentuk undang-undang yang dikenali sebagai common law.

Bahagian ini akan memperincikan berkenaan penggunaan fatwa di mahkamah sivil di Malaysia.

### Penggunaan fatwa oleh mahkamah sivil dan perspektifnya

Di dalam enakmen-enakmen pentadbiran Islam di pelbagai Negeri, skop tugas Jawatankuasa Fatwa adalah termasuk memberikan pandangan tentang sesuatu hukum kepada mahkamah. Undang-undang tersebut memperuntukkan mananya mahkamah termasuk Mahkamah Sivil boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang sebarang persoalan yang berkaitan Hukum Syarak. Sehubungan itu Mufti boleh memperakarkan pendapat Jawatankuasa Fatwa tentang permasalahan yang diutarakan. Ini diperuntukkan dalam pelbagai enakmen berkaitan (Seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003; seksyen 53 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003; seksyen 38 Akta Undang-Undang Pentadbiran Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993).

Selain itu, prinsip Islam juga merupakan satu sumber undang-undang yang dirujuk di mahkamah sivil. Ianya selalunya dirujuk di mahkamah sivil sebagai undang-undang yang menentukan hubungan di antara kedua pihak yang bertikai khasnya kes sivil. Amalan merujuk kepada undang-undang Islam oleh mahkamah sivil juga bukanlah sesuatu yang baru. Malahan sejak sebelum merdeka lagi, mahkamah sivil akan merujuk kepada pelbagai sumber tentang undang-undang Islam berkenaan pelbagai persoalan yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Sumber-sumber tersebut termasuklah pelbagai tulisan, buku-buku dan juga pandangan Mufti serta ahli agama lain yang mempunyai kepakaran dalam

persoalan berkenaan. Perkara ini telah dinyatakan dalam sebuah buku oleh Moshe Yegar dalam bukunya yang bertajuk 'Islam and Islamic Institutions in British Malaya' terbitan Magnes Press pada tahun 1979.

Bahagian seterusnya akan membincangkan kes-kes berkaitan fatwa di mahkamah sivil. Walaupun fatwa

### Kes-kes berkaitan fatwa di Mahkamah Sivil

Terdapat banyak kes di mahkamah sivil di mana fatwa dirujuk dalam menentukan isu-isu tertentu yang timbul di dalam prosiding di mahkamah sivil. Bahagian ini meneliti bagaimana fatwa dibawa di mahkamah sivil, jenis-jenis kes yang melibatkan rujukan kepada fatwa serta pemakaian dan penerimaan fatwa oleh mahkamah terhadap fatwa yang dirujuk.

Walaupun definisi fatwa merujuk kepada keputusan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti yang telah diwartakan oleh kerajaan negeri, mahkamah sivil dalam beberapa kes menerima pakai fatwa-fatwa yang tidak diwartakan dan pandangan-pandangan mufti. Bahkan Mahkamah sivil juga dalam keadaan tertentu merujuk kepada keputusan Jawatankuasa Syariah yang dilantik oleh institusi kewangan sebagai pendapat pakar dalam menyelesaikan kes-kes berkaitan Muamalat.

Oleh itu, kes-kes berkaitan fatwa di Mahkamah sivil boleh diklasifikasikan seperti berikut:

(a) Fatwa yang telah diwartakan

(i) *Commissioner of Religious Affairs, Terengganu v Tengku Mariam [1969] MLJ 110 (Mahkamah Tinggi)*

Kes ini melibatkan penentuan kesahan (validity) wakaf yang dibuat oleh seorang Tengku Chik bagi faedah keluarganya. Sebelumnya, isu ini telah dirujuk kepada Mufti Terengganu yang melalui sebuah fatwa mengesahkan bahawa wakaf tersebut adalah sah. Bagaimanapun hakim Mahkamah Tinggi telah mengenepikan fatwa tersebut. Mahkamah berpendapat ia mempunyai kuasa yang tidak terhad untuk menerima atau menolak fatwa tersebut walaupun ia sendiri meminta fatwa itu. Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa tiada apa-apa peruntukan yang boleh mengikat mahkamah untuk menerima fatwa tersebut. Justeru, fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Terengganu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi tersebut walaupun menurut fatwa yang dikeluarkan ianya adalah sah mengikut undang-undang Islam.

(ii) *Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam [1992] 1 MLJ 1 (Mahkamah Agung)*

Di dalam kes ini, seorang ibu telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk satu perisyiharan bahawa anak lelakinya yang telah meninggal dunia

adalah seorang yang bukan Muslim atau telah pun meninggalkan agama Islam dan dengan itu menuntut jenazah anaknya. Satu fakta telah dikemukakan kepada Mahkamah bahawa si mati yang memeluk Islam dan didaftarkan sebagai Islam, telah kemudiannya menjalani upacara deed poll dan dengan itu kembali sebagai seorang beragama Sikh.

Kes tersebut dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang berpendapat bahawa seseorang yang telah memeluk Islam dianggap masih seorang Islam sehingga diputuskan sebaliknya oleh sebuah Mahkamah Syariah. Berdasarkan pendapat tersebut, Mahkamah Tinggi telah menerima pendapat tersebut dan disahkan oleh Mahkamah Agung dan dengan itu menerima pakai fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut.

Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Agung, Mohd Yusof, berpendapat oleh kerana Mahkamah Syariah merupakan forum yang tepat untuk mendengar dan memutuskan isu tersebut, adalah tidak sesuai bagi Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa.

(iii) *Soon Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kedah dan lain-lain* [1994] 2 CLJ 107 (Mahkamah Tinggi)

Ini merupakan satu lagi kes yang melibatkan penentuan samada seseorang masih lagi Islam. Sama seperti kes Dalip Kaur, Mahkamah Tinggi di dalam kes ini telah juga menerima pakai fatwa yang memutuskan bahawa seseorang itu masih lagi Islam sehingga diisyiharkan oleh Mahkamah Syariah bahawa dia telah murtad. Dengan itu, Mahkamah Tinggi memutuskan agar kes tersebut didengar di Mahkamah Syariah.

(iv) *Isa Abdul Rahman v Majlis Agama Islam, Pulau Pinang* [1996] 1 CLJ 283 (Mahkamah Tinggi)

Ini merupakan satu lagi kes berkaitan kesahan wakaf. Ia adalah satu permohonan injuksi bagi menghalang Majlis Agama Islam Pulau Pinang untuk merobohkan masjid dan membangunkan bangunan lain di atas tanah yang diwakafkan untuk tujuan masjid.

Terdapat 2 fatwa yang bertentangan berkaitan isu tersebut. Dalam suatu fatwa pada tahun 1973 oleh Mufti Pulau Pinang, bahawa pembinaan bangunan baru di atas tanah wakaf tersebut bagi tujuan selain daripada masjid, iaitu dalam keadaan ini sebagai tempat berniaga adalah bertentangan dengan Hukum Syarak. Ini memandangkan tujuan asal tanah itu diwakafkan dengan nyata adalah untuk digunakan 'sebagai tempat orang-orang Islam bersembahyang dan tidak untuk tujuan-tujuan lain'. Kemudiannya pada tahun 1989, Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa pembinaan bangunan baru di atas tanah wakaf tersebut diharuskan. Bagaimanapun pada masa kes ini diputuskan fatwa tahun 1989 tersebut masih belum diwartakan.

Sehubungan itu, Mahkamah memutuskan bahawa Jawatankuasa Syariah perlu mengkaji kedua-dua fatwa tersebut dan mengeluarkan fatwa yang

mutakhir. Oleh itu, Mahkamah telah memutuskan supaya Jawatankuasa Syariah dirujuk kerana mahkamah tidak mampu dan bukanlah ahli dalam menentukan samada kedua-dua fatwa tersebut terpakai. Fatwa kedua telah diwartakan setelah kes tersebut selesai.

- (b) Fatwa yang tidak diwartakan / pandangan mufti  
(i) *Re Dato' Bentara Luar [1982] 2 MLJ 265 (Mahkamah Persekutuan)*

Kes ini juga melibatkan penentuan kesahan wakaf. Mahkamah Persekutuan telah diminta untuk memberikan keputusan samada wakaf yang dibuat pada tahun 1909 oleh Dato' Bentara Luar untuk kedua anaknya adalah sah atau tidak. Mufti Johor telah memberikan fatwa bahawa tanah itu telah menjadi wakaf yang sah mengikut Hukum Syarak.

Dibandingkan dengan kes Tengku Mariam, terdapat perbezaan perspektif oleh hakim terhadap fatwa di dalam kes ini. Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa wakaf tersebut adalah sah mengikut pandangan Mufti Johor walaupun mahkamah tidak terikat dengan fatwa tersebut. Hakim Mahkamah Persekutuan pada masa itu, Salleh mengatakan:

*... whilst we are not bound to accept his fetua as we are entitled to expound what the Islamic Law on a given topic is, we are not bound to reject the opinion stated in the fetua just because Islamic Law is the law of the land and the duty to expound that law falls on us. In our view as the opinion was expressed by the highest Islamic authority in the State, who had spent his lifetime in the study and interpretation of Islamic Law and there being no appeal against the fetua to His Highness the Sultan in Council under the relevant State Enactment, we really have no reason to justify the rejection of the opinion, especially as we ourselves were not trained in this system of jurisprudence and moreover the opinion is not contrary to the opinions of famous authors of books on Islamic Law.*

Ringkasnya, hakim berpendapat sungguhpun mahkamah tidak terikat untuk menerima fatwa, mahkamah juga pada masa yang sama tidak terikat untuk menolak pandangan fatwa yang dinyatakan. Undang-undang Islam merupakan undang-undang di negara ini dan oleh itu menjadi tugas mahkamah untuk melaksanakannya. Apatah lagi pandangan tersebut dikemukakan oleh seorang yang mempunyai kuasa negeri berkenaan Islam yang tertinggi yang telah mempelajari Islam dengan mendalam. Tambahan pula tiada rayuan dibuat terhadapnya dan ia tidak bertentangan dengan pendapat yang dikemukakan di dalam buku-buku berkaitan. Dengan yang demikian, mahkamah tidak mempunyai alasan untuk menolak pandangan fatwa tersebut. Mahkamah juga bukanlah mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan Islam.

- (ii) *Halimatussadiah v Suruhanjaya Perkhidmatan Awam [1992] 1 MLJ 513; [1994] 2 SCR 179 (Mahkamah Tinggi)*

Kes ini berkenaan pemecatan seorang seorang pegawai kerajaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kerana memakai purdah dan menutup seluruh tubuhnya kecuali mata. Perayu memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk satu pengisytiharan bahawa pemecatan tersebut adalah tidak sah dengan alasan bahawa beliau berhak mengikut cara pakaian yang dianggapnya sebagai mengikut ajaran Islam sebenar.

Di peringkat rayuan, Mahkamah Agung telah memanggil Mufti Wilayah Persekutuan untuk memberi pendapat berkenaan hukum pemakaian purdah oleh seorang wanita Islam. Dalam keterangannya Mufti tersebut berpendapat bahawa Islam tidak melarang ataupun mewajibkan seorang wanita Islam memakai purdah. Mahkamah telah mengiktiraf dan menerima pakai pendapat tersebut dalam penghakimannya memandangkan seorang Mufti adalah seorang yang mempunyai autoriti yang tinggi dalam memberi tafsiran berkaitan undang-undang Islam. Tambahan pula mahkamah tidak mempunyai alasan untuk menolak pendapat Mufti tersebut.

(iii) *Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah [2004] 2 CLJ 416 (Mahkamah Tinggi)*

Kes ini melibatkan tentang kedudukan agama seorang anak yang mana salah seorang daripada ibu bapanya memeluk Islam. Persoalan ini telah ditujukan kepada Mufti Wilayah Persekutuan yang telah menulis surat kepada Mahkamah berpendapat bahawa sekiranya salah seorang daripada pasangan suami isteri memeluk Islam, anak kepada pasangan tersebut akan turut menjadi seorang Islam walaupun tidak mendapat keizinan pasangannya yang lain.

Bagaimanapun di dalam kes ini Mahkamah menolak pemakaian pendapat tersebut atas alasan ia tidak diwartakan mengikut Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.

(iv) *Victoria Jayaseele Martin v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor [2011] 9 MLJ 194 (Mahkamah Tinggi)*

Kes ini merupakan permohonan bagi semakan kehakiman terhadap keputusan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang menolak permohonan penerimaan masuk peguam syarie dengan sebab pemohon bukan seorang Muslim.

Di antara hujahan yang dikemukakan oleh pemohon adalah kaedah 10 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993 yang meletakkah syarat beragama Islam sebagai satu syarat bagi penerimaan masuk sebagai peguam syarie adalah melangkaui kuasa yang diturunkan (*ultra vires*) oleh Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Kaedah tersebut juga dihujahkan sebagai bercanggah dengan kehendak perkara 8, 5 dan/atau 10 Perlembagaan Persekutuan.

Manakala, peguam bagi pihak responden, MAIWP, antara lain, mengutarakan sebuah fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ke 92 pada 16 Disember 2010. Fatwa tersebut menyatakan bahawa seorang yang berkhidmat sebagai peguam syarie mestilah beragama Islam. Bagaimanapun fatwa tersebut tidak digazetkan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta yang berkenaan.

Sungguhpun demikian, Hakim Mahkamah Tinggi, Rohana Yusof, mengambil notis kehakiman (judicial notice) berkenaan fatwa tersebut yang dianggap sebagai interpretasi Hukum Syariah oleh Majlis Fatwa tersebut. Di dalam undang-undang keterangan, notis kehakiman merupakan suatu aturan yang membenarkan suatu fakta dibentangkan sebagai satu bentuk keterangan sekiranya kebenaran fakta tersebut jelas dan tidak dapat disangkal.

(v) *Ikbal bin Salam v Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor & Anor [2012] MLJU 738 (Mahkamah Sesyen)*

Kes ini menarik untuk dibincangkan sungguhpun ia diputuskan oleh sebuah mahkamah rendah (Mahkamah Sesyen) kerana bentuk perkara yang berbeza daripada kes-kes yang sebelum ini dibincangkan. Ia merupakan tuntutan wang terhadap dua orang defendant berdasarkan satu perniagaan pelaburan Dinar Emas. Pelaburan tersebut dijalankan dan diuruskan oleh syarikat-syarikat lain, IGD Practice Sdn Bhd dan E-Qirad Sdn Bhd. Manakala Defendant kedua bertindak sebagai wakil atau agen kepada syarikat-syarikat tersebut.

Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah adalah berkaitan dengan kontrak perwakilan iaitu ‘wakalah’ yang digunakan dalam kontrak di antara Plaintiff dan Defendant yang berlandaskan kepada prinsip Syariah.

Dalam memutuskan isu ini, khasnya berkaitan tanggungjawab wakalah, Mahkamah telah merujuk kepada fatwa yang dinyatakan oleh Mufti Johor dalam suratnya Wakalah Dalam Kontrak Muamalat bertarikh 26 Januari 2012. Fatwa tersebut menyatakan bahawa seorang wakil adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan janji yang dibuat oleh wakil atau pihak prinsipal sesuatu kontrak. Sehubungan itu, Mahkamah menerima pandangan yang dikemukakan oleh Mufti sebagai pandangan pakar bagi membantu Mahkamah membuat keputusan dalam kes ini.

(c) Keputusan Jawatankuasa Syariah institusi kewangan

(i) *Mohd Alias bin Ibrahim v RHB Bank Berhad [2011] 3 MLJ 26 (Mahkamah Tinggi)*

Satu isu yang relevan dalam perbincangan ini adalah samada aturan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah adalah satu bentuk fatwa yang mengikat Mahkamah. Mahkamah berdasarkan kes-kes yang dirujuk berkaitan fatwa, termasuk Re Dato' Bentara Luar, Dalip Kaur dan Halimatussadiyah, yang juga dibincangkan di atas, memutuskan aturan yang dikeluarkan oleh Majlis

Penasihat Syariah bukanlah suatu fatwa berdasarkan enakmen berkaitan fatwa di peringkat negeri.

Bagaimanapun, oleh kerana Majlis tersebut merupakan badan yang ditubuhkan daripada kalangan pakar bagi menentukan undang-undang Islam dalam perkara-perkara yang berkenaan berasaskan juruspridens yang sama, adalah perlu bagi Mahkamah untuk menerima pakai pandangan yang dikeluarkan oleh Majlis tersebut.

## ANALISA KES

Berdasarkan kes-kes di atas, beberapa penelitian boleh dibuat. Pertama, kes-kes yang mana fatwa dirujuk adalah kes-kes yang melibatkan penentuan sesuatu isu dari sudut perundangan Islam. Kebanyakan kes adalah melibatkan tentang kedudukan wakaf dan status keislaman seseorang. Kes-kes lain melibatkan samada seorang peguam syarie perlu beragama Islam; tanggungjawab seorang wakil dalam kontrak perwakilan (wakalah) yang berasaskan prinsip syariah; dan isu samada aturan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah mempunyai status fatwa.

Kedua, isu berkaitan keadaan yang mahkamah sivil boleh membuat rujukan fatwa sedangkan ia tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes yang berada di bawah bidangkuasa mahkamah syariah yang umumnya berkaitan dengan perundangan Islam.

Secara amnya, mahkamah sivil tertakluk kepada bidangkuasa yang ditetapkan oleh undang-undang. Ia tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes atau isu yang berada di bawah bidangkuasa mahkamah syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, persoalan berkaitan adalah bilakah mahkamah sivil boleh menentukan ses sebuah isu berkaitan undang-undang Islam yang dalam perbincangan ini menyentuh tentang sesuatu perkara yang difatwakan oleh pihak berkuasa fatwa.

Oleh kerana isu ini berkait dengan perbincangan tentang bidangkuasa kedua-dua mahkamah yang memerlukan perbincangan yang rumit dan panjang, serta di luar ruang lingkup kajian ini, isu ini disentuh di sini secara am sahaja. Ringkasnya, mahkamah sivil boleh membuat rujukan terhadap fatwa atau merujuk kepada pihak berkuasa fatwa untuk mendapatkan keputusan berkaitan sesuatu isu tertentu apabila ia membicarakan permohonan untuk mendapatkan suatu perintah yang bukan berada di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah.

Ini telah dinyatakan di dalam suatu kes yang dirujuk di atas, iaitu *Majlis Agama Islam Pulau Pinang v Isa Abdul Rahman [1992] 3 CLJ 1675* di mana Mahkamah Rayuan menyatakan:

Apabila sesuatu mahkamah sivil membicarakan tuntutan untuk mendapat sesuatu perintah (dan perintah yang dituntut bukan dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk mengeluarkan) maka mahkamah sivil hendaklah membicarakan tuntutan itu dan jika soal mengenai hukum syarak timbul semasa

perbicaraan pihak-pihak terlibat boleh memanggil pakar-pakar agama Islam untuk memberi keterangan semasa perbicaraan itu; atau pun pihak mahkamah boleh meruiuk soalan-soalan kepada mailis fatwa berkenaan untuk mendapatkan kepastian.

Dalam kes terdahulu, *Mohd Hanif Farikullah v Bushra Chaudri* [2001] 2 CLJ 397, YA Hakim Faiza Tamby Chik (pada ketika itu) menyatakan bahawa hakim boleh merujuk kepada pakar perundangan Islam untuk membantunya membuat keputusan dalam perkara yang berkenaan. Rujukan kepada pakar perundangan Islam boleh dianggap sebagai pendapat pakar yang dibenarkan di bawah seksyen 45 Akta Keterangan 1950.

Ketiga, dari sudut kedudukan fatwa bagi menentukan kedudukan sesuatu isu berkaitan hukum Islam, amnya, mahkamah sivil tidak terikat dengan fatwa yang dikemukakan dalam Mahkamah bagi menentukan sesuatu isu. Namun penelitian kes menunjukkan bahawa mahkamah sivil bukan sahaja menerima pakai fatwa yang diwartakan, malah turut menerima pakai pandangan mufti yang tidak diwartakan dan keputusan Jawatankuasa Syariah institusi kewangan sebagai salah satu pandangan pakar yang perlu dihormati oleh pihak-pihak yang bertikai.

## PENUTUP

Fatwa turut memainkan peranan yang penting bukan sahaja di mahkamah syariah tetapi juga dalam proses perundangan di mahkamah sivil. Mahkamah sivil dalam banyak kes menghormati fatwa-fatwa yang bukan sahaja terhad kepada fatwa yang diwartakan, tetapi melangkaui kepada fatwa-fatwa yang tidak diwartakan, pandangan-pandangan mufti dan keputusan Jawatankuasa Syariah yang tidak bersifat fatwa. Ini merupakan perkembangan positif kepada institusi fatwa di Malaysia.

## RUJUKAN

### Buku

- Ibrahim Najib Muhammad Iwad. 1975. *Al-Qada' fi al-Islam*. Kaherah: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah
- Mahmud Saedon A. Othman. 1996. *Institusi Pentadbiran Undang-Undang & Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Othman Haji Ishak. 1981. *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.

### Jurnal

- Mohd Daud Bakar. "Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam". (1997) 5 (1) Jurnal Syariah

### Akta

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003

### Internet

- Jawatankuasa Fatwa Majlis kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugam Islam Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Dalam: <http://www.e-fatwa.gov.my> (Akses pada 1 September 2015).

### Kes

- Commissioner of Religious Affairs, Terengganu v Tengku Mariam [1969] MLJ 110 (Mahkamah Tinggi)
- Dalip Kaur v Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam [1992] 1 MLJ 1 (Mahkamah Agung)
- Halimatussadiyah v Suruhanjaya Perkhidmatan Awam [1992] 1 MLJ 513; [1994] 2 SCR 179 (Mahkamah Tinggi)
- Ikbal bin Salam v Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor & Anor [2012] MLJU 738 (Mahkamah Sesyen)
- Isa Abdul Rahman v Majlis Agama Islam, Pulau Pinang [1996] 1 CLJ 283 (Mahkamah Tinggi)
- Majlis Agama Islam Pulau Pinang v Isa Abdul Rahman [1992] 3 CLJ 1675 (Mahkamah Rayuan)
- Mohd Alias bin Ibrahim v RHB Bank Berhad [2011] 3 MLJ 26 (Mahkamah Tinggi)
- Mohd Hanif Farikullah v Bushra Chaudri [2001] 2 CLJ 397 (Mahkamah Tinggi)
- Re Dato' Bentara Luar [1982] 2 MLJ 265 (Mahkamah Persekutuan)
- Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah [2004] 2 CLJ 416 (Mahkamah Tinggi)
- Soon Singh v Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kedah dan lain-lain [1994] 2 CLJ 107 (Mahkamah Tinggi)

Victoria Jayaseele Martin v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor  
[2011] 9 MLJ 194 (Mahkamah Tinggi)

### Penafian

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*